

Dakwaan aset UMNO RM100 bilion hilang

# Tun M, 2 bekas Menteri Kewangan perlu jawab

Veteran UMNO minta penjelasan kerana babit kepentingan awam

**Kuala Lumpur:** Veteran UMNO menggesa Tun Dr Mahathir Mohamad bersama dua bekas Menteri Kewangan memberi penjelasan berkait dakwaan kehilangan aset UMNO dikatakan bernilai RM100 bilion.

Penjelasan bekas Perdana Menteri yang juga bekas Presiden UMNO itu bersama Tun Daim Zainuddin yang juga bekas bendahari parti, selain Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, menurut veteran UMNO, perlu kerana rakyat khususnya ahli parti itu berhak tahu cerita sebenar.

Menerusi satu kenyataan semalam, Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, berkata dakwaan itu adalah sesuatu yang serius dan memabitkan dana besar serta memabitkan kepentingan awam.

"Saya kira orang ramai, khususnya ahli UMNO perlu diberi penjelasan oleh tiga bekas pemimpin ini. Bagi saya, ini sesuatu yang serius dan memabitkan dana yang besar, memabitkan kepentingan awam, apatah lagi jumlahnya begitu besar," katanya.

Mustapha merujuk dakwaan pengendali laman blog Malaysia-Today, Raja Petra Kamarudin,



Tun Dr Mahathir Mohamad

Tun Daim Zainuddin



Nor Mohamed Yakcop

kononnya wujud pertelagahan di antara ketiga-tiga bekas pemimpin itu berhubung isu aset berkenaan.

"Sudah pasti dakwaan Raja Petra ini sesuatu yang serius, sekali gus perlukan penjelasan tiga bekas pemimpin UMNO ini kerana isu berlaku ketika era Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat dan paling lama berkhidmat bermula 16 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003. Bagaimanapun pada 2016, beliau muncul kembali berpolitik apabila menubuhkan BERSATU untuk menandingi Barisan Nasional (BN).

Pada 2018, dalam satu kejutan politik, BERSATU bersama parti sekutunya melalui gabungan Pakatan Harapan (PH), memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan pada usia 93 tahun, Dr Mahathir kembali menerajui negara sebagai Perdana Menteri ketujuh.

Daim pula menjadi Bendahari Agung UMNO antara 1984 hingga 1999 dan juga Bendahari BN. Beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan pada Julai 1984 oleh Dr

Mahathir sebelum melepaskan jawatan itu pada 15 Mac 1991.

Pada 1998, Daim kembali sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas bagi menangani krisis ekonomi negara yang semakin memuncak. Pada Januari 1999, beliau dilantik semula sebagai Menteri Kewangan selepas penyandang jawatan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada Kabinet.

Beliau kemudian meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan pada 31 Mei 2001.

Nor Mohamed pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia (BNM) dari 1968 hingga 1994 sebelum dilantik oleh Dr Mahathir sebagai anggota jawatankuasa kecil menangani krisis ekonomi negara pada 1998.

Pada 15 Mei 2000, beliau dilantik sebagai penasihat khas ekonomi kepada Perdana Menteri dan dua tahun kemudian, dilantik sebagai Pengarah Khazanah Nasional sebelum menjadi senator dan dilantik menjadi Menteri Kewangan II dari 2004 hingga 9 April 2009.

Nor Mohamed bertanding Pilihan Raya Umum 2008 atas tiket Barisan Nasional (BN) dan menang di kerusi Parlimen Ta-

sek Gelugor.

Susulan penstrukturan semula Kabinet pada April 2009, beliau dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerajui Unit Perancang Ekonomi dan Unit Kerjasama Awam dan Swasta sehingga 2013.

## SPRM wajar siasat

Sementara itu, Mustapha berkata, pihak berkuasa berkaitan lain, khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga wajar menyiasat dakwaan sama kerana ia satu tuduhan yang serius.

"Saya kira ada baiknya jika pihak berkuasa menyiasat dakwaan ini. Jika (dakwaan) benar, ini bukan satu perkara biasa kerana jumlah (nilai aset) begitu banyak," katanya.

Katanya lagi, isu aset UMNO pernah dibangkitkan ketika Datuk Seri Najib Razak menjadi Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO, namun tiada pembongkaran lanjut dibuat.

"Cerita kehilangan harta UMNO ini telah menjadi rahsia umum sekian lama. Ahli UMNO ternanti-nanti untuk mendapat jawapannya," katanya.